

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 88

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membina Balai Bomba Kategori D atau E bagi Pekan Bekenu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengkaji keperluan pembinaan balai bomba di sesuatu kawasan berdasarkan tahap risiko kebakaran daripada kajian *Fire Cover* oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Oleh itu, pada masa ini tiada perancangan untuk membina Balai Bomba dan Penyelamat kategori D atau E di Kawasan Bekenu, Sarawak.

2. Pembinaan sesebuah balai bomba adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam grid kawasan seluas 25 kilometer persegi (5km x 5km) terhadap beberapa kriteria seperti :
 - i. Kepadatan penduduk;
 - ii. Jumlah dan jenis industri;
 - iii. Jumlah dan jenis perniagaan serta perdagangan;
 - iv. Jumlah dan jenis perkhidmatan hotel; dan
 - v. Kewujudan bangunan-bangunan penting seperti bangunan kerajaan dan awam.
3. Setiap kriteria akan diberikan markah menggunakan pemberat mengikut risiko kriteria. Jumlah markah keseluruhan risiko di dalam grid akan menentukan skor risiko di satu-satu grid.
4. Lebih tinggi skor yang diperolehi maka lebih tinggi risiko pada grid tersebut. Selain itu, faktor penempatan balai bomba juga dipengaruhi oleh tempoh masa bertindak (*response time*) selepas menerima panggilan iaitu kurang daripada 10 minit untuk tiba di tempat kejadian.
5. Kawasan Bekenu pada masa ini mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat Miri, Sarawak sejauh 46 kilometer dengan tempoh masa 1 jam perjalanan ke kawasan tersebut. Khidmat kebombaanan di kawasan Bekenu turut dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela Pekan Sibuti, Bekenu dengan kekuatan 40 anggota. Pada masa yang sama, KPKT juga telah membekalkan sebuah kenderaan yang dilengkapi dengan pam angkut dan peralatan/kelengkapan bagi tujuan pemadaman kebakaran.

Sekian, terima kasih.